



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

HUKUM PENGGUNAAN *e-WALLET* MENURUT PERSPEKTIF SYARAK

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti persoalan mengenai **Penggunaan *e-Wallet* Menurut Perspektif Syarak** dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Dari aspek pelaksanaan, penggunaan *e-Wallet* melibatkan tiga pihak iaitu **pedagang (*merchant*)**, **pengguna (*consumer*)** dan **pengendali (*operator*)**. Terdapat lima jenis model *e-Wallet* iaitu;

a. Model Pertama: Aplikasi pusat jualan maya;

Pedagang yang berminat meletakkan barang-barang dalam pusat jualan maya dan membuka akaun bagi tujuan penerimaan bayaran. Pedagang turut menawarkan *merchant discount rate* kepada pengendali yang menjana hasil jualan secara maya. Pengguna boleh melayari aplikasi tersebut untuk membuat pilihan barang dan jika berminat boleh membuat pembayaran terus dengan menggunakan perbankan atas talian (*online banking*) dengan kaedah debit akaun, kredit akaun atau melalui *e-Wallet* iaitu apabila pembeli atau pengguna membuka akaun secara maya dan memasukkan sejumlah wang.

b. Model Kedua: Aplikasi *e-Wallet*;

Aplikasi *e-Wallet* berfungsi sebagai aplikasi menyimpan dana pembeli untuk pembayaran kepada pedagang berdaftar. Pengguna atau pembeli boleh membeli barangan daripada pedagang melalui kaedah aplikasi *e-Wallet* yang disediakan sahaja. Kaitan hubungan *e-Wallet* dengan bank hanyalah untuk memindahkan dana (wang) ke dalam

akaun *e-Wallet*. Contoh model ini ialah kad prabayar *touch & go* serta aplikasi-aplikasi berdaftar seperti *boost, kiple pay, razer, big pay, grab pay* dan lain-lain.

c. Model Ketiga: *e-Wallet*;

Model ini diwujudkan oleh pengendali untuk perkhidmatan atau barangan mereka seperti *mycar, starbucks, dan aeon*. Pengendali dikehendaki membuat pengisian dana (wang) kepada *e-Wallet* bagi membolehkan pembelian dibuat. Kaitan hubungan *e-Wallet* dengan bank hanyalah untuk pengisian dana (wang) sama ada melalui akaun debit atau kad kredit.

d. Model Keempat *e-Wallet*;

Model ini tidak memegang nilai wang kepada pengguna tetapi memiliki strategi berlainan untuk pengguna tersebut. Contohnya, *Samsung Pay* menggunakan teknologi *magnetic secure transaction* untuk menjadikan kad-kad fizikal boleh beroperasi secara maya seperti kad pembayaran dan sebagainya bahkan *Samsung Pay* tidak mengenakan apa-apa bayaran menggunakan teknologi tersebut.

e. Model Kelima: Model *Hybrid*;

laitu model-model yang dijelaskan sebelum ini digabung untuk menjadikan aplikasi *e-Wallet* sedemikian untuk mendapatkan pasaran yang lebih tinggi.

2. Oleh itu, berdasarkan kaedah-kaedah pelaksanaan aplikasi *e-Wallet* di atas, maka Jawatankuasa Fatwa memutuskan bahawa **hukum penggunaan aplikasi *e-Wallet* dalam transaksi digital yang dinyatakan itu adalah diharuskan dengan memenuhi syarat-syarat berikut;**

- a. Urusniaga melibatkan transaksi digital hendaklah dilaksanakan melalui pengendali *e-Wallet* yang diluluskan dan dikawal selia oleh pihak berautoriti sahaja.
- b. Pengguna dan pengendali hendaklah mempunyai pengetahuan tentang kaedah penggunaan *e-Wallet* serta memahami hak dan tanggungjawab mereka sebagai pihak yang berakad.

- c. Dalam pematuhan transaksi ini, pengendali dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat nasihat Panel Syariah daripada Penasihat Syariah Yang Bertauliah.
 - d. Tiada unsur paksaan.
 - e. Pengendali hendaklah menyatakan dengan jelas kontrak yang digunakan dan implikasi kepada pengguna.
 - f. Pengendali hendaklah memastikan terdapat mekanisme pemulangan wang (*refund*) jika pengguna menutup akaun atau apabila berlaku kematian. Ini kerana wang tersebut adalah hak milik pelanggan atau waris pelanggan.**
 - g. Pengguna disarankan menggunakan *e-Wallet* yang patuh Syariah.
3. Justeru, oleh kerana majoriti masyarakat Islam masa kini terlibat secara langsung dengan penggunaan *e-Wallet* dalam transaksi harian, maka Jawatankuasa Fatwa menasihatkan supaya mereka lebih berhati-hati dalam urusan tersebut.

TARIKH KEPUTUSAN : 8 NOVEMBER 2020